

MBJB mahu wartakan jalan tertentu sekat aktiviti ini

# Dua langkah tangani basikal lajak

Oleh MAZNAH MOHD ARSAD  
utusan.johor@gmail.com

## ■ JOHOR BAHRU 2 OGOS

**M**AJLIS Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengambil dua langkah drastik termasuk melakukan kajian semula peruntukan undang-undang dalam menangani isu basikal lajak, susulan tragedi yang mengorbankan lapan remaja pada Februari lalu.

Datuk Bandar Johor Bahru, A. Rahim Nin berkata, pihaknya yang memandang serius isu tersebut mengakui masih ada kumpulan remaja yang menggunakan basikal berkenaan dan tidak mengambil iktibar daripada kemalangan berkenaan.

"Di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, basikal ditakrifkan sebagai kenderaan dan tertak-

luk dalam peruntukan undang-undang ini. Kita akan wartakan jalan tertentu disekat daripada digunakan untuk aktiviti berbasikal ke atas remaja di bawah usia 18 tahun pada waktu malam yang boleh dikenakan penalti RM1,000 atau penjara tiga bulan atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

"Kita juga akan meminda Undang-undang Kecil Dataran Bandaraya Johor Bahru dan Taman untuk tidak membenarkan kanak-kanak atau remaja memasuki dan berkeliaran di kawasan ini tanpa pengawasan ibu bapa selepas pukul 6 petang," katanya semasa mempengerusikan Mesyuarat bulanan MBJB, di sini hari ini.

A. Rahim memberitahu, bagi cadangan sekatan laluan tersebut, permohonan akan dihantar kepada Kementerian Pengang-

kutan menerusi Jabatan Undang-Undang MBJB untuk diberi kuasa penyekatan penggunaan kenderaan berkenaan.

Beliau berharap dengan kajian semula undang-undang itu akan memberi kesedaran kepada golongan berbasikal lajak supaya tidak mendatangkan bahaya kepada diri dan orang lain.

Golongan ibu bapa turut diminta sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak masing-masing bagi memastikan mereka tidak terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Pada 18 Februari lalu, lapan remaja maut manakala lapan lagi cedera selepas dirempuh sebuah kereta ketika menunggang basikal secara berkumpulan di Jalan Lingkaran Dalam berhampiran perkuburan Mahmoodiah, di sini.

UM 3/8/17